

**Sasaran KDNK tahun ini masih mampu dikekalkan
Utusan Online
Ogos 18, 2011**

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Malaysia masih boleh mengekalkan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak lima peratus bagi 2011 meskipun perbelanjaan ekonomi pada suku kedua perlahan.

Pengarah Urusan EVIO Capital Private Ltd Kelvin Miranda berkata, pertumbuhan itu dipacu oleh permintaan dalaman ketika wujud kebimbangan kemelesetan berganda di Amerika Syarikat (AS).

Beliau berkata, pemangkin utama untuk kitaran meningkat perbelanjaan perniagaan ialah pelaksanaan projek baharu dan infrastruktur utama menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Kita mencatat keputusan kukuh pada suku pertama dan suku kedua mula perlahan, tetapi saya berpendapat apabila ETP bermula dan dana mulai masuk, terutama dana kerajaan, maka anda akan dapat permintaan dalaman," katanya.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia masih berdaya tahan walaupun negara jiran Singapura mungkin memasuki kemelesetan teknikal pada suku ketiga.

Bank Negara Malaysia semalam mengumumkan KDNK berkembang empat peratus pada suku kedua 2011 berbanding 4.9 peratus pada suku pertama, susulan persekitaran luaran yang lemah.

Sementara itu, AmResearch Sdn. Bhd. pula menjangka Malaysia akan menyaksikan lantunan semula yang kukuh dalam KDNK menjelang suku akhir tahun ini walaupun dengan rentak pertumbuhan sederhana dalam suku kedua.

Firma penyelidikan milik AmBank Group juga menasaskan pertumbuhan KDNK tahun penuh ialah lima peratus.

Pengarah penyelidikan ekonominya, Manokaran Mottain berkata, paras kerancangan permintaan domestik beserta dengan limpahan mudah tunai akan memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Perolehan prospektif daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga akan turut menyediakan sokongan tambahan pada akhir tahun," kata Manokaran yang baru-baru ini dilantik sebagai ahli Majlis Ekonomi Negara.

Menurut beliau, pertumbuhan suku kedua adalah lebih baik daripada unjuran 3.6 peratus tinjauan *Bloomberg* tetapi di bawah anggaran AmResearch iaitu 4.3 peratus.

"Dilihat pada pertumbuhan semakin semula 4.9 peratus dalam suku pertama tahun ini, pertumbuhan enam bulan pertama tahun ini berpurata 4.4 peratus dan ini hampir padan dengan anggaran kami," tambah beliau.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0819&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm